

Subsidi petrol bersasar diumum masa terdekat

Dua kementerian bentangkan kepada Jemaah Menteri dapatkan persetujuan

Oleh Suzianah Jiffar
suzianah@bh.com.my

Kota Kinabalu: Keputusan pelaksanaan subsidi petrol bersasar yang dijanjikan kerajaan kepada golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40), akan diumumkan dalam masa terdekat.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata kementeriannya dan Kementerian Kewangan sudah memuktamadkan satu cadiangan bersama untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

"Semalam (kelmarin) saya mengadakan pertemuan dengan Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan ketua setiausaha serta pegawai kanan kedua-dua kementerian.

"Dalam masa terdekat, kita akan bentangkan kepada Jemaah Menteri untuk mendapat lampu hijau jika berpuashati. Jika tidak, mungkin ada beberapa pembenatan."

"Kita akan buat pengumuman rasmi dalam tempoh terdekat," katanya pada sidang media selepas perasmian seminar 'Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida' anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), di sini semalam.

Seminar dirasmikan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri



Mohd Shafie (kiri) menerima cenderahati daripada Saifuddin selepas perasmian seminar 'Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida' anjuran Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) di Kota Kinabalu, semalam. [Foto BERNAMA]

Mohd Shafie Apdal dan turut dihadiri Pengerusi MyCC, Datuk Seri Mohd Hishamudin Md Yusus.

Dalam Bajet 2019 dibentangkan November lalu, pemilik kereta berkapasiti enjin 1,500cc dan motosikal 125cc akan menerima subsidi petrol RON95 sebanyak 30 sen seliter. Subsidi untuk kereta terhad 100 liter, manakala motosikal terhad 40 liter.

Sementara itu, Saifuddin berkata, kementeriannya akan membawa hasil Kajian Pasaran Sektor Makanan oleh MyCC kepada Jemaah Menteri untuk makluman serta dibincangkan bagi tindakan lanjut.

"Di situ (mesyuarat Jemaah

menteri), saya percaya ia akan dibincangkan dan sebarang keputusan akan dibuat selepas itu jika memerlukan penambahbaikan mana-mana agensi terbabit.

"Mungkin daripada penemuan (hasil kajian), ada elemen memerlukan teguran dan penambahbaikan. Ia tidak boleh berakhir dengan hanya satu pembentangan saja, tetapi harus disusuli dengan tindakan."

"Sebab itu saya akan bawa untuk pengetahuan Jemaah Menteri dan seterusnya mengambil arahan daripada situ," katanya.

MyCC dalam laporannya, mendapati penguasaan pasaran ikan oleh kartel, kegiatan menyewa permit import (AP) kubis, jualan

lot niaga borong sehingga RM1.3 juta, kebergantungan kepada negara sumber yang terhad serta kekurangan produk tempatan, menjadi punca kenaikan harga bekalan makanan utama rakyat negara ini.

Kajian juga mendapati wujud salah laku dalam AP untuk mengimport kubis bulat apabila ada antara pemegang permit hanya mengambil keuntungan 'atas angin' dengan menyewakan permit kepada peniaga lain.

Ditanya sama ada AP berkenaan akan dibatalkan susulan laporan kajian itu, Saifuddin berkata, keputusan akan dibuat selepas isu berkenaan dibincangkan oleh Jemaah Menteri.